

Najib mahu rakyat Malaysia pelajari kekuatan Amerika

NEW YORK 3 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak, yang sedang dalam rangka lawatan peribadi ke sini, menyeru rakyat Malaysia supaya belajar daripada kekuatan Amerika Syarikat.

"Semua negara ada kekuatan dan kelemahannya tetapi Amerika jelas mempunyai kekuatan yang boleh diteladani," katanya pada jamuan malam yang dihadiri masyarakat Malaysia di pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di sini malam tadi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada mana-mana negara di dunia pada masa ini yang begitu berkuasa dan menyerlah seperti Amerika Syarikat.

"Namun, sebagai rakyat Malaysia, kita harus gunakan apa saja kelebihan yang ada pada kita walaupun kita sebuah negara kecil. Kita harus meluaskan pengaruh kita ke pelbagai bidang yang mungkin," katanya.

Beliau berkata, soal mengenai nilai atau pegangan mana yang lebih baik, sama ada Barat atau Timur, boleh dibahas tanpa akhirnya.

"Tetapi, kita harus melihat kepada nilai yang sesuai dengan masyarakat kita," kata Najib sambil menyebut sebagai contoh bagaimana pemandu Amerika begitu berdisiplin dan menghormati undang-undang dan peraturan jalan raya.

"Rakyat Malaysia boleh belajar daripada cara rakyat Amerika memandu secara disiplin ini," katanya.

Najib juga berkata, terdapat peluang yang amat banyak yang Amerika tawarkan kepada rakyat pendatang.

"Jika kita ada idea yang baik, ditambah dengan ciri-ciri keusahawanan dan keazaman untuk bekerja kuat, kita akan menikmati manfaat daripada usaha ini. Amerika mendahului di bidang teknologi kerana ia

Semua negara ada kekuatan dan kelemahannya tetapi Amerika jelas mempunyai kekuatan yang boleh diteladani

NAJIB
TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

menghargai mereka yang layak.

"Sebaliknya pula, ia tidak menghukum mereka yang gagal tetapi akan menggalakan mereka supaya terus berusaha sehingga berjaya," katanya merujuk kepada Stanley Khoo, seorang usahawan Malaysia yang bermula sebagai seorang pembantu di dapur dan kini mempunyai 17 restoran di Amerika Syarikat.

"Kita memang mahu melihat rakyat Malaysia menduduki jawatan tinggi dalam bidang korporat di Amerika dan menjadi pemimpin di masa depan. Hanya dengan belajar daripada yang terbaik saja barulah

kita mampu bersaing di dunia yang amat kompetitif ini," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, daripada kedudukannya sebagai pembekal timah dan getah, Malaysia kini telah maju sehingga menjadi antara negara perdagangan utama di dunia.

Beliau berada di Amerika ketika negara ini dilanda suhu yang panas. Ramai tetamu yang memakai sut ke jamuan itu kelihatan berpeluh.

Turut hadir Wakil Tetap Malaysia ke PBB Datuk Hamidon Ali.

- Bernama